

**Keputusan PPBM sertai Pakatan Harapan diketahui 13 Disember depan –
Muhyiddin
Astro Awani
Dis 5, 2016
Harits Asyraf Hasnan**

KUALA LUMPUR: Keputusan sama ada Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) akan menyertai Pakatan Harapan atau tidak hanya akan diketahui selepas Mesyuarat Majlis Pimpinan Tertinggi PPBM yang dijadual pada 13 Disember depan.

Bagaimanapun, Presiden PPBM, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang mengesahkan perkara tersebut tidak memaklumkan masa serta lokasi mesyuarat tersebut akan diadakan.

"Kita belum tentukan lagi (menyertai Pakatan Harapan). Kita akan mesyuarat pada 13 Disember, minggu depan," katanya ringkas ketika dihubungi Astro AWANI di sini hari ini.

Semalam, Pengerusi PPBM, Tun Dr Mahathir Mohamad memaklumkan keputusan tersebut perlu dibuat dalam mesyuarat serta mendapat persetujuan ahli kepimpinan yang lain.

"Kita akan buat keputusan dalam masa terdekat... saya perlu dapatkan persetujuan semua dan berbincang dengan rakan-rakan kerja saya," ujarinya di Persidangan Kebangsaan DAP semalam.

Malah, pihaknya juga tidak akan menunggu PAS lebih lama kerana partinya benar-benar mahu mengumpulkan semua pihak yang menentang Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak di bawah satu payung.

Bagaimanapun, jika ia mengambil masa terlalu lama, pihak pembangkang juga perlu bergerak dengan rancangan mengalahkan kerajaan Barisan Nasional (BN).

Tag: [Parti Pribumi Bersatu Malaysia](#), [PPBM](#), [Majlis Pimpinan Tertinggi PPBM](#), [Tan Sri Muhyiddin Yassin](#), [Tun Dr Mahathir Mohamad](#), [Persidangan Kebangsaan DAP](#)

© 2016 Astro Awani Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-politik/keputusan-ppbm-sertai-pakatan-harapan-diketahui-13-disember-depan-muhyiddin-124732>